

18/11/1997

Pembangkok Singapura sokong Mahathir

SINGAPURA, Isnin - Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS), sebuah parti pembangkang di Singapura mengecam tindakan anggota kongres Amerika terhadap Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyifatkannya sebagai tidak berasas.

Presiden PKMS, Sahid Sahooman, berkata ketetapan ahli Kongres Amerika menyeru Dr Mahathir meminta maaf atau meletakkan jawatan kerana ucapan yang didakwa anti-Yahudi adalah keterlaluan.

Langkah ahli Kongres Amerika itu juga cuba menggugat kedaulatan sesebuah negara dan pemimpinnya yang dipilih oleh rakyat berdasarkan prinsip demokrasi, katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

PKMS juga menyeru negara Asean serta negara yang cintakan demokrasi dan keamanan bersama mengecam sikap provokatif Amerika terhadap Asia dan khususnya, Malaysia.

Sahid berkata, negara Asean harus berdiri teguh dan mengamalkan prinsip setiakawan mempertahankan kedaulatan sesebuah negara dalam Asean dan mengecam campur tangan Amerika dalam hal dalaman sesebuah negara lain.

Beliau berkata, PKMS juga mengalu-alukan pertemuan Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong pada persidangan Komanwel di Scotland baru-baru ini. - Bernama

(END)